

TARIKH	KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2024
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	BINA LADANG SOLAR TERAPUNG DI TASIK KENYIR
M/S	27
BIDANG	ENERGY
KATA KUNCI	SOLAR ENERGY

Bina ladang solar terapung di Tasik Kenyir

Kuala Terengganu: Terengganu Incorporated Sdn Bhd (Terengganu Inc) dengan kerjasama TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) mewujudkan ladang solar terapung di Tasik Kenyir yang dijangka menjana sehingga 2,000 megawatt (MW) tenaga elektrik.

Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata dalam tempoh enam bulan akan datang, sebanyak 400MW tenaga elektrik akan dihasilkan dengan kos RM2 bilion, dan semua itu bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan baharu negeri.

“Usaha ini selari dengan matlamat kerajaan negeri bagi menjana 1,000MW tenaga daripada solar dalam tempoh lima tahun akan datang yang akan meningkatkan kapasiti penjanaan melebihi 30 peratus menjelang 2025.

“Terengganu Inc juga menjayakan agenda nasional dengan menggalakkan semua subsidiari menjana tenaga solar menerusi pemasangan panel di premis perniagaan mereka,” katanya ketika berucap pada majlis makan malam sempena Program Latihan Korporat Lembaga Pengarah Syarikat Kumpulan Terengganu Inc, di sini kelmarin.

Beliau yang juga pengurusan syarikat induk pelaburan milik kerajaan negeri itu berkata Terengganu Inc telah merekodkan peningkatan jumlah hasil dengan RM558 juta kepada RM1.5 bilion pada tahun lepas daripada RM964 juta pada 2018.

Ahmad Samsuri berkata Terengganu Inc mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM43 juta pada 2018 namun kembali

2,000MW

Anggaran tenaga elektrik yang bakal dijana.

mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM78 juta pada 2021, RM76 juta pada 2022 dan RM46 juta pada 2023.

“Bagi tahun ini, kumpulan menasaskan pendapatan RM1.8 bilion atau 24 peratus melebihi pendapatan tahun lepas. Keuntungan sebelum cukai dianggarkan mencecah RM100 juta,” katanya.

Beliau berkata dalam melangkah ke hadapan, Terengganu Inc telah dan akan mengambil beberapa langkah signifikan untuk memastikan keuntungan yang berterusan antaranya mengurangkan kebergantungan kepada tanaman kelapa sawit dengan tidak menambah kawasan tanaman baharu.

Terengganu Inc akan memperkenalkan langkah penambahbaikan dalam operasi dan peningkatan kecekapan di ladang sedia ada, katanya.

“Selain potensi beberapa projek tenaga boleh baharu, projek penghasilan tenaga solar juga sedang diusahakan termasuk untuk pasaran tenaga ke luar negara di bawah program Penjualan Elektrik Rentas Sempadan (CBES).

“Kita juga bersungguh-sungguh mengusahakan program Kredit Karbon yang mampan dan mampu menjana pendapatan baharu kepada syarikat dan negeri. Setakat ini Terengganu Inc sedang menjalankan dua projek rintis dalam merealisasikan sumber baharu pendapatan,” katanya.

DISEDIAKAN
OLEH

NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM